

Proton kaji jual ekuiti dalam Lotus

BH

7 OCT 2000

Daripada Azmah Abdul Hamid
dan Badrila Jamlus

HETHEL (Norwich), Jumaat – Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) sedang menimbang tawaran beberapa syarikat automotif besar, termasuk dari Amerika Syarikat, untuk membeli 30 peratus ekuitinya dalam Lotus Engineering.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun, menekankan Proton tidak tergesa-gesa memutuskan perkara itu.

"Kami tidak akan menjual lebih 30 peratus. Kami akan kekal sebagai pemegang ekuiti terbesar (dalam Lotus Engineering)," katanya.

Proton ketika ini memegang 80 peratus ekuiti dalam Lotus Engineering selepas mengambil alih syarikat Britain itu pada 1996.

Beliau berkata, Proton akan tetap bekerjasama dengan Mitsubishi sekalipun sudah mempunyai enjin sendiri.

"Sebab Mitsubishi masih memiliki kepakaran dalam bidang kejuteraan dan pengeluaran kenderaan secara besar-besaran," katanya.

Beliau menyuarakan rasa bangga kerana Proton hanya mengambil masa 15 tahun untuk menghasilkan

enjin sendiri sedangkan syarikat lain memerlukan lebih lama daripada tempoh itu.

Dr Mahathir juga menafikan laporan Proton akan membeli syarikat MG Rover sebaliknya ia hanya meninjau enjin Rover.

"Tidak benar kami akan membeli Rover. Hanya melihat enjinnya," kata Dr Mahathir selepas mendengar taklimat enjin terbaru hasil kerjasama antara Proton dan Lotus.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff dan rakan sejawatan Lotus, Datuk Chris Knight.

Dr Mahathir turut meninjau pembangunan enjin prototaip berkuasa 1.6 liter dalam lawatan ketiganya ke sini. Beliau turut merasmikan bangunan baru studio reka bentuk Lotus, sebahagian daripada operasi penyelidikan dan pembangunan firma itu.

Perdana Menteri juga berkata, berdasarkan perkembangan pasaran ketika ini dan keperluan jangka panjang, Proton juga menetapkan Asia, Afrika dan Timur Tengah sebagai pasaran kenderaannya.